UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • *CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT***

**Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5**
**Tarikh : 9 Januari 2024**

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2024**

**SEMUA PELAJAR PROGRAM PRASISWAZAH**

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN (KMJP) SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2023/2024**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024 akan bermula pada **22 Januari hingga 11 Februari 2024.**

2. Sehubungan itu, **pelajar adalah dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPWeb mulai 1 Januari 2024 hingga 11 Februari 2024.**

3. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan termasuk etika berpakaian yang dibenarkan di dalam kampus di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang bentuk **nota (digital/fizikal)** (*kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah*) dan **telefon bimbit** adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan dan etika berpakaian, **denda dan/atau tindakan tatatertib akan diambil**.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

**PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik



**PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)**
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

s.k. - Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

- Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik

- Dekan
Fakulti/Pusat

- Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat

- Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)

- Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)

- Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)

- Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari

- Ketua Pentadbiran/Pegawai Tadbir Prasiswazah
Fakulti/Institut/Pusat

- Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)